



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## KENYATAAN MEDIA

### KUSKOP SASAR RM30 JUTA POTENSI PELABURAN SEMPENA MISI PERDAGANGAN FRANCAIS KE BANGKOK, THAILAND

---

**PUTRAJAYA, 12 Julai** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menasarkankan **potensi pelaburan bernilai RM30 juta** semasa Misi Perdagangan Francais ke Bangkok yang berlangsung pada 10 hingga 13 Julai 2024 bersempena *Thailand Franchise Business Opportunities Expo (TFBO) 2024* di *Bangkok International Trade & Convention Centre (BITEC)*, Bangkok, Thailand.

Misi yang diketuai oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini bertujuan mempromosikan syarikat-syarikat francais jenama tempatan ke peringkat antarabangsa khususnya di Thailand yang mempunyai potensi pasaran besar dengan jumlah penduduk seramai 71.6 juta orang.

YB Menteri juga merasmikan Pavillion Francais Malaysia yang mempamerkan produk dan perkhidmatan oleh 7 syarikat yang terdiri daripada sektor makanan, pendidikan, teknologi dan perkhidmatan di TFBO 2024. Syarikat-syarikat yang menyertai misi ini adalah D' Tandoor, FatNinjas, Global Art, IrisPro, MuzArt, Myeongdong Topokki dan Cleanpro. YB Menteri turut menghadiri perbincangan meja bulat bersama pihak industri francais di Thailand bagi membincangkan perkembangan francais di kedua-dua negara dan mempertingkatkan kerjasama di masa hadapan.

Pada lawatan ini, YB Menteri juga mengadakan pertemuan bersama pihak industri, diaspora Malaysia dan Malawakil Malaysia di Bangkok, Thailand selain lawatan kerja ke syarikat francais Cafe Amazon milik syarikat Thailand dan juga ke Laundrybar, syarikat francais Malaysia yang telah beroperasi di Thailand.

Inisiatif ini merupakan kolaborasi KUSKOP bersama Persatuan Francais Malaysia (MFA), Kedutaan Malaysia di Thailand melalui Kementerian Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Usaha ini bagi merealisasikan Perancangan Strategik KUSKOP 2024 yang bertemakan Usahawan MADANI, Memacu Ekonomi selaras dengan hasrat dan kerangka visi Malaysia MADANI di bawah tonggak nilai 'kesejahteraan" yang membawa makna keseimbangan kehidupan bagi memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**12 JULAI 2024**